

Inovasi GeoAttendance UPSI raih emas di ICQCC 2025 Taipei

Taiwan, 30 Oktober - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus mengharumkan nama Malaysia di persada antarabangsa apabila pasukan i-RAY daripada Pusat ICT meraih Anugerah Emas (Gold Award) pada 50th International Convention on Quality Control Circles (ICQCC 2025) yang berlangsung di Taipei International Convention Center (TICC), Taiwan dari 3 hingga 6 November.

Kejayaan berprestij itu diperoleh menerusi projek inovatif bertajuk "GeoAttendance: Solving UPSI's Staff Attendance Challenges with Geolocation Technology", yang menampilkan penyelesaian pintar berasaskan teknologi geolokasi bagi memperkukuh sistem kehadiran staf dan kecekapan operasi universiti.

ICQCC Edisi ke-50 tahun ini dianjurkan oleh Association of Pioneer Quality Control Research (PQCRA), Taiwan dengan sokongan Malaysia Productivity Corporation (MPC) mewakili Malaysia. Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr. Md Amin Md Taff, berkata kejayaan itu membuktikan bahawa warga UPSI memiliki kemampuan bertaraf global dalam menghasilkan inovasi yang memberi impak besar kepada ekosistem pengurusan universiti.

"Ia mencerminkan komitmen universiti dalam menjunjung nilai kecemerlangan serta memperkukuh budaya kerja berasaskan kualiti dan inovasi," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Sementara itu, Pengarah Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) UPSI, Ts. Dr. Megat Azrin Ahmad, menyifatkan pencapaian pasukan i-RAY sebagai simbol kejayaan transformasi digital universiti yang semakin kukuh. "Projek GeoAttendance ialah hasil kreativiti dan kecekapan pasukan ICT UPSI dalam menyelesaikan cabaran sebenar pengurusan kehadiran staf.

"Ia membuka ruang kepada pembangunan lebih banyak inovasi digital yang menyokong keberkesanan sistem pentadbiran dan meningkatkan produktiviti," katanya.

ICQCC, yang turut digelar "Olympics of Quality", adalah konvensyen tahunan berprestij yang menghimpunkan pasukan peningkatan kualiti dari lebih 13 negara, antaranya Jepun, Korea, China, Singapura, Thailand, Malaysia dan India.

Pasukan i-RAY diketuai oleh Nurul Fadzillah Sapengin selaku Pengurus Pasukan, bersama ahli terdiri daripada Ts. Abdul Mueiz Rosli (Ketua Kumpulan), Mohammad Firdaus Zainun, Norhayaty Abdul Rahaman, Suhaila Abusairi, Prabu Tharmalingam, Nur Syafinaz Azmi dan Khairul Ikmal Ishak.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



ASHELF 2025 kukuhkan kepimpinan pendidikan tinggi serantau

Putrajaya, 3 November - Forum Kepimpinan Pendidikan Tinggi ASEAN (ASHELF) 2025 menegaskan komitmen bersama negara anggota ASEAN untuk memperkukuh sistem pendidikan tinggi serantau yang lebih inklusif, berdaya tahan dan mampan selaras dengan aspirasi ASEAN Vision 2045. Pengarah Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Prof. Dr. Harshita Aini Haroon berkata, para peserta forum yang terdiri daripada pemimpin universiti, politeknik, institusi penyelidikan dan agensi pendidikan tinggi dari seluruh rantau ASEAN sepakat memperkukuh peranan pendidikan sebagai pemangkin pembangunan sosioekonomi, inovasi dan kemanusiaan sejagat.

Menurut beliau, ASHELF 2025 menjadi wadah penting dalam memperkukuh kepimpinan kolektif serta membentuk ekosistem pendidikan tinggi ASEAN yang berpaksikan nilai, inovasi dan kemampanan. Forum yang diadakan bersempena Festival Idea Putrajaya (Putrajaya FOI) 2025 itu turut memperkenalkan enam kluster transformasi utama

UPSI Pacu Agenda Pendidikan 5.0 Melalui Dua Kolaborasi Global di Festival Idea Putrajaya 2025

Putrajaya, 5 November - Dua Letter of Intent (LoI) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah terpilih untuk dipersembahkan dalam Festival Idea Putrajaya 2025 – MyIDEAS Connect: Kolaborasi Antara Institusi dan Pelancaran Produk anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Kedua-dua LoI tersebut melibatkan kerjasama strategik antara UPSI dengan Appbooks Sdn. Bhd. dan Appmedia Inc. (Korea), serta dengan University of Oxford, United Kingdom, melalui pelaksanaan bersama Sekolah Rendah Seri Budiman (SSB) dan Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Kebangsaan (NCDRC). Kerjasama ini memberi tumpuan kepada pembangunan inovasi pendidikan digital, pembelajaran berasaskan aplikasi pintar, dan intervensi awal kanak-kanak yang berpaksikan penyelidikan saintifik. Projek bersama Appbooks dan Appmedia Inc. (Korea) menekankan

yang akan menjadi tunjang kepada kolaborasi dan inovasi pendidikan tinggi ASEAN bagi dekad akan datang. Kluster tersebut meliputi aspek Pengajaran dan Pembelajaran, Penyelidikan dan Inovasi, Akademia Muda, Kesihatan Planetari, Kecerdasan Buatan (AI) serta Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Menurut Harshita, pelaksanaan enam kluster transformasi ini akan memperkukuh agenda Common Space in Southeast Asian Higher Education yang menjadi pemangkin kepada mobiliti akademik, penyelidikan bersama, dan pembentukan kepimpinan berasaskan nilai di seluruh rantau ASEAN.

“ASHELF 2025 menggariskan pendekatan berasaskan nilai dan kepimpinan bersama bagi memastikan pendidikan tinggi ASEAN terus relevan, beretika dan berimpak kepada masyarakat serta alam sekitar. Ia juga menegaskan peranan institusi pendidikan sebagai pemangkin inovasi dan perpaduan serantau,” katanya dalam ucapan penutup forum itu.

penghasilan kandungan pembelajaran digital interaktif bagi sekolah rendah dan prasekolah, manakala kerjasama dengan University of Oxford melalui Nuffield Early Language Intervention (NELI) Pilot Project bertujuan memperkukuh kecekapan bahasa dan literasi awal kanak-kanak di Malaysia. Menurut Timbalan Naib Canselor UPSI, Profesor Dr. Suriani Abu Bakar, pemilihan dua LoI ini mencerminkan pengiktirafan terhadap keupayaan UPSI sebagai universiti peneraju pendidikan negara yang sentiasa mengutamakan penyelidikan berimpak tinggi serta hubungan erat dengan rakan industri dan antarabangsa. “Kolaborasi seperti ini bukan sahaja memperkukuh reputasi UPSI di peringkat global, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan modal insan berteraskan teknologi dan nilai Malaysia MADANI,” katanya.



Projek Pemindahan Ilmu (KTP) - Program Wearable Resistance Perkasakan Jurulatih Raket Wanita Perak

TAIPING – Inovasi dalam bidang latihan sukan terus berkembang apabila seramai 30 jurulatih sukan raket wanita di Negeri Perak diberi pendedahan terhadap teknologi latihan terkini melalui program Pemindahan Ilmu Bagi Meningkatkan Pencapaian Atlet Raket Wanita Melalui Penggunaan Wearable Resistance.

Program anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan kerjasama Kompleks Rakan Muda Taiping ini berlangsung dari Julai hingga Disember 2024. Ia bertujuan memperkasakan jurulatih wanita dengan pengetahuan serta kemahiran menggunakan *wearable resistance* - bebanan boleh pakai yang terbukti meningkatkan kekuatan, kelajuan dan ketahanan atlet.

Menurut penyelaras program, teknologi ini masih baharu dalam arena sukan raket tempatan, justeru pendedahan kepada jurulatih amat penting bagi memastikan mereka mampu merancang latihan yang lebih efektif. “Jurulatih sering bergantung

pada kaedah tradisional. Dengan latihan ini, mereka kini lebih bersedia menggabungkan teknologi moden bagi memaksimumkan prestasi atlet wanita,” katanya.

Hasil analisis menunjukkan peningkatan ketara dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan keyakinan peserta selepas menyertai program ini. Tahap kefahaman mengenai konsep *wearable resistance* meningkat daripada 30 peratus kepada 100 peratus, manakala kemampuan menyesuaikan intensiti latihan melonjak sehingga 80 peratus. Keyakinan jurulatih untuk membimbing rakan sejawat juga meningkat daripada hanya 10 peratus kepada 90 peratus selepas latihan.

Antara faedah lain yang dikenal pasti termasuk peningkatan kemahiran komunikasi kejurulatihan wanita, keupayaan merancang latihan yang lebih spesifik, serta kesedaran terhadap kepentingan latihan berasaskan penyelidikan. Program ini turut memberi impak

positif kepada UPSI sebagai pusat rujukan baharu dalam bidang kejurulatihan fizikal dan teknologi *wearable resistance* di Malaysia.

Walaupun berdepan cabaran seperti tahap pemahaman berbeza dan kekangan peralatan, program ini tetap mencapai objektifnya. Pihak penganjur merancang untuk memperkenalkan sesi lanjutan dan pembangunan modul pembelajaran bagi memperkukuh kemahiran praktikal peserta.

Secara keseluruhannya, inisiatif ini bukan sahaja memperkasakan jurulatih wanita tetapi juga membuka lembaran baharu dalam pembangunan atlet sukan raket negara - selari dengan aspirasi mempertingkatkan keupayaan dan daya saing atlet wanita di peringkat kebangsaan.

Ahli Perunding:

- Noor Aiwa Rosman - FSSK (Ketua)
- Dr. Noorzaliza Osman - FSSK
- Prof. Madya. Dr. Ali Md Nadzalan - FSSK
- Norfazila Abd Malek



KSN rasmi pameran seni visual memorial Mustaqim Rosde di UPSI



Majlis Syarahan Budiman di UPSI dari Fakulti Pembangunan Manusia, Profesor Dr. Abdul Rahim Hamdan



Dua 'Kuda Besi' Baharu Perkasa Tugas Polis Bantuan UPSI



UPSI Perkasa APEL.Q di Pavilion Pendidikan Fleksibel Sempena Festival of Ideas Putrajaya 2025